



16 Ogos 2021
16 August 2021
P.U. (A) 336

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (ELAUN PELABURAN BAGI PETRONAS) 2021

PETROLEUM (INCOME TAX) (INVESTMENT ALLOWANCE FOR PETRONAS) REGULATIONS 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

**PERATURAN-PERATURAN PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN)
(ELAUN PELABURAN BAGI PETRONAS) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 22A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Ketua Pengarah membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan bagi PETRONAS) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2017 hingga tahun taksiran 2026.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi PETRONAS bagi perbelanjaan modal yang dilakukan olehnya ke atas projek aset infrastruktur yang layak.

Tafsiran

3. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini—

“PETRONAS” ertinya Petroliam Nasional Berhad;

“tempoh yang layak” ertinya mulai tahun taksiran 2017 dan bagi setiap sembilan tahun taksiran berikutnya.

Pendapatan boleh taksir

4. Dalam menentukan pendapatan boleh taksir PETRONAS daripada operasi petroleum bagi suatu tahun taksiran, yang dalam peraturan ini disebut sebagai “tahun berkaitan”, amaun pendapatan berkanun PETRONAS bagi tahun berkaitan daripada operasi petroleum hendaklah ditolak dengan—

- (a) amaun bagi apa-apa kerugian larasan dalam tempoh asas daripada tahun taksiran sebelum tahun berkaitan itu, yang belum dipotong daripada pendapatan berkanunnya bagi suatu tahun taksiran sebelum tahun berkaitan itu; dan
- (b) amaun elauan pelaburan yang disebut dalam peraturan 5.

Elaun pelaburan

5. (1) Elauan pelaburan yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah bersamaan dengan enam puluh peratus perbelanjaan modal ke atas projek aset infrastruktur yang layak.

(2) Perbelanjaan modal ke atas projek aset infrastruktur yang layak yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini ertiinya suatu perbelanjaan modal yang dilakukan oleh PETRONAS pada 1 Januari 2014 dalam pemerolehan projek daripada Petronas Carigali Sdn Bhd sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri seperti yang berikut:

- (a) RM4,060,139,118.00 berhubung dengan projek Terminal Minyak dan Gas Sabah; dan
- (b) RM5,342,569,128.00 berhubung dengan projek Saluran Paip Gas Sabah-Sarawak.

(3) Elauan pelaburan yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini yang boleh dituntut bagi setiap tahun taksiran dalam tempoh yang layak hendaklah bersamaan dengan satu per sepuluh daripada elauan pelaburan itu.

Pelupusan

6. (1) Pemilikan projek Terminal Minyak dan Gas Sabah dan projek Saluran Paip Gas Sabah-Sarawak yang disebut dalam subperaturan 5(2), tidak boleh dilupuskan, sama ada kesemuanya atau sebahagiannya, dengan apa jua cara sama ada dijual, dipindah hak, dipindah milik, diserah hak atau diberi milik dengan atau

tanpa balasan tunai atau bukan tunai, kecuali apa-apa pelupusan yang disebabkan oleh pembaikan dan penyelenggaraan, atau apa-apa pelupusan menurut apa-apa arahan, keputusan atau polisi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri, oleh PETRONAS dalam tempoh yang layak.

(2) Jika projek aset infrastruktur yang layak atau salah satu daripadanya dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh yang layak, apa-apa elaun pelaburan yang diberikan di bawah subperaturan 5(1) hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada PETRONAS sebagaimana yang ia berhak.

(3) Apa-apa elaun yang disifatkan tidak diberikan di bawah subperaturan (2) hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar PETRONAS dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang projek itu dilupuskan.

Ketidakcukupan pendapatan

7. (1) Jika oleh sebab ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun PETRONAS daripada operasi petroleumnya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dalam tempoh yang layak, kesan tidak boleh diberikan sepenuhnya kepada apa-apa elaun yang PETRONAS berhak di bawah Peraturan-Peraturan ini bagi tahun taksiran itu berkenaan dengan perbelanjaan modal ke atas projek aset infrastruktur yang layak, walau apa pun perenggan yang disebut di atas, maka sekian banyak amaun elaun yang tidak dapat diberikan bagi tahun taksiran itu hendaklah disifatkan sebagai amaun elaun yang akan diberikan kepada PETRONAS di bawah peraturan ini dalam tempoh asas bagi tahun taksiran pertama berikutnya dalam tempoh yang layak yang terdapat pendapatan berkanun daripada operasi petroleum itu, dan selanjutnya bagi tahun-tahun taksiran berikutnya dalam tempoh yang layak sahaja sehingga PETRONAS menerima keseluruhan elaun yang ia berhak berkenaan dengan perbelanjaan modal ke atas projek aset infrastruktur yang layak itu.

(2) Apa-apa amaun elaun pelaburan yang tidak digunakan dalam tempoh yang layak hendaklah diabaikan bagi maksud Akta.